



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


17 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,533 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 182,826 kes. Sebanyak 22 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Sandakan, tiga (3) kes di Keningau, dua (2) kes di Kota Kinabalu, Kunak, Lahad Datu dan Tawau manakala Beaufort, Kota Belud, Kota Marudu, Papar dan Pitas masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,300 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 156,727 orang. Manakala 4,226 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,473 orang di hospital, 2,641 orang di Pusat Kuarantindan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 105 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 189 orang merangkumi 143 di ICU/repurposed kritikal care serta 46 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 62 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah menunjukkan penurunan kes yang agak baik pada hari ini dan ianya adalah merupakan angka terendah yang direkodkan sejak 11 Ogos 2021 lepas. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,533) kes dengan penurunan sebanyak (-449) kes.
- b. Secara keseluruhan, kebanyakan daerah menunjukkan angka penurunan kes pada hari ini dengan statistik (18) daerah mencatatkan penurunan dan hanya (9) daerah mencatatkan peningkatan kes. Kota Kinabalu mencatatkan perubahan kes yang agak baik dengan catatan cuma (269) kes, merekodkan sebanyak (-224) kes penurunan. Antara daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara ialah Sandakan (-122) kes, Telupid (-39) kes, Putatan (-38) kes, Beluran (-35) kes, Kota Marudu (-27) kes, Papar (-22) kes, Tongod (-15) kes, Tawau (-14) kes, Nabawan (-12) kes, Kalabakan (-12) kes dan Kunak (-11) kes.
- c. Daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara pula ialah Penampang (+44) kes, Kinabatangan (+40) kes , Ranau (+18) kes, Tuaran (+12) kes, Keningau (+12) kes dan Pitas (+11) kes. Jumlah penurunan kes harian adalah seiring dengan jumlah daerah yang mencatatkan penurunan. Terdapat (17) kes melibatkan OKT/banduan yang dicatat hari ini.
- d. Daripada (1,533) kes yang didaftar hari ini, (540) kes atau 35.23% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (67) kes atau 4.37% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (101) kes atau 6.59% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- e. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (852) kes atau 55.6%, Saringan Bergejala (473) kes atau 30.9%, (73) kes daripada Saringan Kluster atau 4.8% dan (135) kes melalui Saringan Lain-lain.

- f. Daripada (1,533) kes yang berdaftar hari ini, (534) kes atau 34.83% adalah pesakit dalam Kategori 1, (963) kes atau 62.82% dalam Kategori 2, lima (5) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan lapan (8) kes dalam kategori 5. (16) kes masih dalam siasatan. 88.78% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- g. Penduduk yang menerima vaksin setakat 16 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 48,465 orang menjadikan kumulatif sebanyak 1,934,434 atau 69.7% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,522,390 atau 55.2% dari populasi dewasa.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (852) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	73	4.8%
2	Bergejala	473	30.9%
3	Kontak	852	55.6%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	135	8.8%
JUMLAH		1,533	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/09/2021	Catatan Kes 17/09/2021	Perbandingan
1	Penampang	43	87	+44
2	Kinabatangan	42	82	+40
3	Ranau	82	100	+18
4	Tuaran	96	108	+12
5	Keningau	74	86	+12
6	Pitas	57	68	+11
7	Sipitang	2	11	+9
8	Kuala Penyu	3	7	+4
9	Semporna	13	16	+3
10	Kota Kinabalu	493	269	-224
11	Sandakan	206	84	-122
12	Telupid	59	20	-39
13	Putatan	89	51	-38
14	Beluran	55	20	-35
15	Kota Marudu	78	51	-27
16	Papar	89	67	-22
17	Tongod	35	20	-15
18	Tawau	81	67	-14
19	Nabawan	38	26	-12
20	Kalabakan	17	5	-12
21	Kunak	22	11	-11
22	Tambunan	16	7	-9
23	Kota Belud	87	79	-8
24	Lahad Datu	118	114	-4
25	Tenom	38	34	-4
26	Beaufort	19	15	-4
27	Kudat	30	28	-2
JUMLAH		1,982	1,533	-449

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (03 – 16 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	123	91	0	55	269	4,379
Lahad Datu	0	56	49	0	9	114	1,379
Tuaran	0	76	20	0	12	108	1,937
Ranau	0	92	4	0	4	100	712
Penampang	0	36	46	0	5	87	1,478
Keningau	0	64	19	0	3	86	1,117
Sandakan	0	31	32	0	21	84	3,117
Kinabatangan	68	14	0	0	0	82	746
Kota Belud	0	64	14	0	1	79	1,032
Pitas	0	62	6	0	0	68	533
Papar	0	29	35	0	3	67	1,498
Tawau	0	22	45	0	0	67	1,289
Putatan	0	25	21	0	5	51	885
Kota Marudu	0	16	35	0	0	51	1,053
Tenom	0	26	7	0	1	34	446
Kudat	0	19	5	0	4	28	635
Nabawan	5	17	1	0	3	26	396
Telupid	0	15	5	0	0	20	563
Beluran	0	14	6	0	0	20	540
Tongod	0	19	1	0	0	20	321
Semporna	0	0	10	0	6	16	232
Beaufort	0	7	7	0	1	15	307
Kunak	0	9	2	0	0	11	370
Sipitang	0	5	4	0	2	11	127
Tambunan	0	4	3	0	0	7	232
Kuala Penyu	0	7	0	0	0	7	59
Kalabakan	0	0	5	0	0	5	263
JUMLAH	73	852	473	0	135	1,533	25,646

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	5
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	13
	Kluster Sungai Bendera	55
JUMLAH		73

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,285 unit

- Hospital 1,902 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,683 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 58.01%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,508
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	8
Orang Dalam Tahanan /Banduan	17
Jumlah	1,533

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	3
WP Kuala Lumpur	2
WP Labuan	1
Selangor	1
Pulau Pinang	1
Jumlah	8

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,361
Bukan Malaysia	172
Jumlah	1,533

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	417
Belum Menerima Vaksin	451
Menerima 1 Dos	112
Lengkap 2 Dos	553
Jumlah	1,533

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	24
1 to 5	110
6 to 17	283
18 to 59	959
>60	157
Jumlah	1,533

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 17 September 2021)
1	Ranau	8
2	Kota Kinabalu	4
3	Kota Marudu	4
4	Kudat	3
5	Papar	3
6	Tawau	3
7	Keningau	2
8	Beluran	2
9	Kota Belud	2
10	Putatan	2
11	Lahad Datu	1
12	Telupid	1
13	Tenom	1
JUMLAH		36

D SOP KEMASUKAN KE NEGERI SABAH

Bagi mengelakkan kekeliruan tentang isu kuarantin di Sabah, orang awam adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada SOP PPN FASA 2 Negeri Sabah terkini yang telah diwartakan bertarikh 17 September 2021. Isu kuarantin apabila masuk ke Sabah adalah jelas diterangkan dalam SOP PPN FASA 2 Negeri Sabah dan ianya adalah peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah dari semasa ke semasa. Bagi urusan rasmi yang dikecualikan kuarantin masih tertakluk juga kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia apabila tiba di pintu masuk Sabah.

**E PELAKSANAAN SOP AKTIVITI MASJID DAN SURAU BERKUATKUASA
17 SEPTEMBER 2021**

- 1 Kerajaan bersetuju untuk menambah bilang jemaah Solat Jumaat dan solat fardu di masjid dan surau serta aktiviti-aktiviti keagamaan yg lain seperti berikut:
 - i Jumlah jemaah yang dibenarkan bagi Solat Jumaat di Masjid Utama ialah 300 orang. Sementara, jemaah di Masjid Kariah pula ialah 200 orang dan Solat Jumaat di surau iaitu 50 orang jemaah. Keutamaan diberi kepada jemaah mestilah telah lengkap dua dos vaksin.
 - ii Solat Fardhu pula bilangan jemaah yang DIBENARKAN hadir ke Masjid Utama ialah 150 orang. Namun, bagi Masjid Kariah dan Surau hanya 50 jemaah yang dibenarkan. Keutamaan juga diberi kepada jemaah yang telah lengkap menerima dua dos vaksin.
- 2 Aktiviti-aktiviti lain yang DIBENARKAN merangkumi kuliah Maghrib iaitu tempoh masa antara waktu maghrib dan isyak. Selain itu, Solat Jenazah dengan bilangan jemaah seperti solat Jumaat dan solat lima waktu. Turut dibenarkan, pengurusan jenazah dengan jumlah 20 orang, di samping ziarah kubur juga jumlah 20 orang. Bagi majlis akad nikah di masjid/surau, bilangan yang dibenarkan ialah 20 orang di dewan/ bilik khas tertakluk mengikut keluasan dan kebenaran Jawatankuasa.
- 3 Takrifan masjid utama ialah Masjid Negeri Sabah, Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Masjid Nurul Hikmah, Bukit Padang dan semua Masjid-Masjid Daerah.

F PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Air, Beluran	19 September 2021	2 Oktober 2021

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Penduduk yang menerima vaksin setakat 16 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 48,465 orang menjadikan kumulatif sebanyak 1,934,434 atau 69.7% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,522,390 atau 55.2% dari populasi dewasa.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **604,776** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 82 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 25,625 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 105 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 50 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 32 Orang : Tiada Penjarakan Sosial
 - Empat (4) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Premis Gagal Menyediakan Peralatan Bagi Merekod Butiran Diri/Rekod Suhu
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 140 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil satu (1) tangkapan di buat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS).

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 976 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tiga (3) di daerah Kinabatangan dan satu (1) di Tawau. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 523 premis perniagaan dan 914 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di GMP Bistro Bar, Fortuna Centre (1 Orang), Restoran Por Kee, Fortuna Centre (1 Orang), Pasar Besar KK (1 Orang), 888 Pinjaman Wang Sinsuran (1 Orang) dan Kingfisher Cafe Table Forty One (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis gagal menyediakan laluan keluar masuk premis dengan penjarakan 1 meter di Dried Seafood Trading.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 248 Premis Perniagaan melibatkan 128 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 160 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 21 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 73 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 214 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Beluran	96.5%
3	Tenom	96.5%
4	Sipitang	96.5%
5	Kunak	96%
6	Kudat	96%
7	Tuaran	96%
8	Keningau	96%
9	Kota Marudu	96%
10	Beaufort	96%
11	Ranau	96%
12	Kinabatangan	96%
13	Kota Belud	96%
14	Lahad Datu	96%
15	Sandakan	96%
16	Penampang	95.5%
17	Papar	95.5%
18	Tawau	95.5%
19	Kota Kinabalu	95.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**